



# BAB 4 ALAT ANALISA DATA STATISTIK

## 4.0 PENDAHULUAN

Dalam sebuah penyelidikan, selepas data dikumpulkan, langkah selanjutnya adalah menganalisa data tersebut sebagai bahan untuk membuat kesimpulan dan penggubalan cadangan yang perlu diambil tindakan sama ada sebagai input dasar, sebagai sumber masalah baru untuk bahan penyelidikan lanjutan ataupun untuk diterapkan sesuai dengan kepentingannya. Ada tiga pendekatan yang harus dilakukan dalam menganalisa data penyelidikan iaitu analisa kualitatif, analisa kuantitatif selain statistika dan analisa statistika.

Berkaitan dengan analisa data, data yang telah dikumpulkan perlu dilakukan pengolahan data iaitu suatu proses dalam memperoleh ringkasan data atau ringkasan angka dengan menggunakan cara atau rumusan tertentu. Pemprosesan data meliputi langkah pengeditan (*editing*), pengkodan (*coding*) dan penjadualan (*tabulating*). Untuk proses pengeditan, penyelidik perlu melakukan pemeriksaan atau pembetulan data yang telah dikumpulkan kerana kemungkinan data yang dimasukkan atau dikumpulkan tidak logik dan meragukan. Contohnya data perlulah boleh difahami atau tidak berdasarkan arahan pensampelan, boleh dibaca atau tidak, lengkap pengisiannya serta konsisten. Selanjutnya untuk pengkodan, perkara yang

perlu dilakukan adalah pemberian atau pembuatan kod-kod pada setiap data termasuk dalam kategori yang sama. Kod adalah tanda yang dibuat dalam bentuk angka atau huruf yang memberikan petunjuk atau identiti pada sesuatu maklumat atau data yang dianalisa. Sementara melalui penjadualan, kita membuat jadual yang mengandungi data yang telah diberi kod, sesuai dengan analisa yang diperlukan.

Selepas pemprosesan data, langkah seterusnya adalah membentangkan data penyelidikan dalam bentuk jadual dan graf. Statistik memberikan cara pengolahan dan pembentangan data yang disebut sebagai deskriptif statistik yang akan dijelaskan pada sub-bab seterusnya.

#### 4.1 ANALISA KUALITATIF

Penyelidikan untuk membuktikan atau mencari sesuatu kebenaran boleh menggunakan dua pendekatan iaitu kuantitatif ataupun kualitatif. Kebenaran yang di peroleh dari dua pendekatan tersebut mempunyai saiz dan sifat yang berbeza. Pendekatan kuantitatif lebih menitikberatkan kepada kekerapan tertinggi sedangkan bagi pendekatan kualitatif lebih menekankan kepada intipati dari fenomena yang dikaji. Kebenaran dari hasil analisa penyelidikan kuantitatif bersifat *nomotetik* dan boleh digeneralisasikan sedangkan hasil analisa penyelidikan kualitatif lebih bersifat ideografik, tidak dapat digeneralisasikan. Hasil analisa penyelidikan kualitatif yang semula jadi lebih bersifat membina, mengembangkan dan mencari teori sosial sedangkan hasil analisa kuantitatif lebih cenderung kepada membuktikan ataupun mengukuhkan teori-teori yang sudah ada.

Proses analisa data dalam penyelidikan kualitatif bermula dengan mengkaji seluruh data yang terkumpul dari pelbagai sumber iaitu dari wawancara, pemerhatian yang sudah dituliskan dalam catatan